



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2015/10/106 (HQ)

KERJA-KERJA PEMBERSIHAN PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA LOJI STESEN JANA ELEKTRIK JAMBATAN CONNAUGHT, KLANG

Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan menjalankan kerja-kerja pembersihan paip stim dandang (*boiler steam pipe*) bagi projek Pembangunan Semula Loji Janakuasa Kitar di Stesen Janaelektrik Jambatan Connaught, Klang (*Combined Cycle Generating Plant Redevelopment Project at Connaught Bridge Power Station, Klang*) dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam bermula 3 hingga 16 Oktober 2015.

Orang ramai di sekitar stesen dinasihatkan untuk tidak bimbang dengan bunyi dihasilkan daripada kerja-kerja pembersihan tersebut yang menggunakan kaedah penyemburan wap (*steam blowing*) bertekanan tinggi.

Pembersihan berkenaan amat diperlukan supaya operasi komersil projek pembangunan semula loji ini dapat dilaksanakan seperti dirancang bagi menampung keperluan bekalan elektrik yang mendesak pada tahun ini.

Pihak Jabatan Alam Sekitar dan penduduk sekitar telahpun dimaklumkan mengenai kerja-kerja pembersihan berkenaan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 2 Oktober 2015

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi / Md. Derus Bunchit di 019-2662296
/ Teng Yoon Soon at 019-293 1228 / Maizatul Nadiah Saadon di 017-3816602
media@tnb.com.my*